



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI KE ATAS
PERBELANJAAN GUAMAN DAN PROFESIONAL**

KETETAPAN UMUM NO. X/2026

TARIKH PENERBITAN: XX XXX 2026

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua pada xx xx xxx

Edisi pertama pada 6 Julai 2006

© 2026 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN

Muka surat

1.	Objektif	1
2.	Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3.	Tafsiran	1
4.	Perbelanjaan Guaman dan Professional Secara Umum	2
5.	Perbelanjaan Guaman dan Profesional yang Dibenarkan	2
6.	Perbelanjaan Guaman dan Profesional yang Tidak Dibenarkan	11
7.	Kemaskini dan Pindaan	13
8.	Penafian	15

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai bagi perbelanjaan guaman dan professional di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) dan perundangan subsidiari berkaitan seperti berikut:

- 1.1 Potongan yang dibenarkan ke atas perbelanjaan guaman dan profesional; dan
- 1.2 Potongan yang tidak dibenarkan ke atas perbelanjaan guaman dan profesional.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1. KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2. Peruntukan yang berkaitan dengan KU ini adalah subseksyen 33(1) dan 39(1) ACP.
- 2.3. Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah seperti berikut:
 - (a) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [P.U.(A)129/2006];
 - (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [P.U.(A)162/2020]; dan
 - (c) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Berhubung Dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) (Pindaan) 2021 [P.U.(A)471/2021].

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1. "Orang" termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.2. "Pendapatan kasar" bagi seseorang daripada suatu punca bagi suatu tempoh asas suatu tahun taksiran adalah pendapatan kasar seperti yang ditentukan mengikut seksyen 22 ACP.

- 3.3. "Perkongsiian liabiliti terhad" bermaksud PLT yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsiian Liabiliti Terhad 2012 (APLT) [Akta 743].
- 3.4. "Perniagaan" termasuk profesion, kerjaya dan perdagangan dan setiap pengilangan, usaha atau urusan yang bercorak perdagangan, tetapi tidak termasuk penggajian.
- 3.5. "Syarikat" bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuk mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang suatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.
- 3.6. "Tahun taksiran" tertakluk kepada subseksyen 2(5) ACP bermaksud tahun kalendar.
- 3.7. "Tempoh asas" berhubung dengan seseorang, punca seseorang dan suatu tahun taksiran, bermaksud tempoh asas tersebut, jika ada, seperti mana yang mengikut seksyen 21 atau 21A ACP.

4. Perbelanjaan Guaman dan Profesional Secara Umum

- 4.1. Pada amnya, perbelanjaan guaman dan profesional dibenarkan potongan di mana perbelanjaan ini dilakukan oleh seseorang dalam penyenggaraan hak perdagangan atau kemudahan perdagangan, yang wujud atau didakwa wujud, dan perbelanjaan guaman tidak dibenarkan, jika ianya bersifat modal iaitu, di mana perbelanjaan itu dilakukan untuk tujuan memperolehi hak atau kemudahan yang baharu. Potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan untuk penyenggaraan hak perdagangan yang didakwa wujud tidak bergantung sama ada tindakan itu berjaya atau tidak.
- 4.2. Perbelanjaan guaman dan profesional yang tidak dilakukan kesemua dan semata-mata di dalam menghasilkan pendapatan atau tidak dibenarkan di bawah subseksyen 39 (1), ACP tidak boleh diberi potongan.

5. Perbelanjaan Guaman dan Profesional yang Dibenarkan

Ketetapan ini menumpukan kepada contoh-contoh perbelanjaan guaman dan profesional yang boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP daripada pendapatan kasar seseorang daripada sesuatu punca dalam menentukan pendapatan larasan seseorang daripada punca tersebut untuk tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran:

5.1. Pungutan hutang

Perbelanjaan guaman dan perbelanjaan lain yang dilakukan oleh seseorang dalam memungut hutang perdagangan.

5.2. Pembaharuan pinjaman

Perbelanjaan guaman yang dilakukan oleh syarikat kewangan dalam memperbaharui pinjaman sedia ada.

5.3. Penyediaan akaun

- (a) Perbelanjaan biasa menyimpan buku kira-kira dan menyediakan rekod kewangan dan akaun termasuk caj bagi kerja perakaunan.
- (b) Perbelanjaan fi audit statutori [*P.U.(A)129/2006*]

5.4. Melindungi hakmilik harta

Perbelanjaan guaman yang dilakukan berhubung dengan tindakan melindungi hak seseorang terhadap pemilikan aset seseorang yang digunakan dalam perniagaan. Hak pemilikan oleh seseorang itu tetap sama dan telah dipelihara dengan tiada tambahan atau kurangan.

5.5. Perbelanjaan guaman dilakukan oleh tuan tanah

Perbelanjaan guaman termasuk kos litigasi yang dilakukan bagi memperbaharui pajakan.

5.6. Tindakan pembelaan berhubung dengan perdagangan atau kemungkiran kontrak perdagangan

- (a) Perbelanjaan yang dilakukan oleh seseorang dalam menentang tuntutan yang ia telah memungkiri kontrak perdagangan adalah dibenarkan melainkan kemungkiran tersebut disengajakan dan dilakukan secara tidak jujur.

Contoh 1

Kos yang dilakukan oleh seorang pemberi pinjaman wang bagi membela tindakan berhubung dengan pinjaman yang berikan kepadanya oleh sebuah syarikat (wang pinjaman adalah stok perdagangan bagi perniagaan pemberi pinjaman).

Contoh 2

Kos perternak tenusu yang berjaya membela diri terhadap tuduhan mencampur susu dengan air (adulteration).

- (b) Menghindarkan ugutan ke atas nama baik perniagaan.
- (c) Memelihara dan / atau melindungi aset modal yang tidak menghasilkan pembentukan aset baru.
- (d) Di mana litigasi berlaku ekoran pelanggan menahan bayaran kesemua atau sebahagian bayaran dengan alasan hasil mutu kerja rendah, bahan sub-standard, tidak memenuhi kehendak kontrak atau atas sebab-sebab lain, tindakan undang-undang dianggap sebagai insiden biasa perdagangan.
- (e) Litigasi terhadap tuntutan bagi libel yang timbul daripada dokumen yang diterbitkan berhubung dengan perniagaan akhbar atau penerbitan.
- (f) Mempertahankan tindakan guaman yang diambil terhadap seorang profesional berhubung dengan kecuaiian dalam menjalankan kerja untuk seseorang pelanggan.

5.7. Kos guaman dilakukan dalam pertikaian kontrak perdagangan apabila ia dilakukan untuk –

- (a) Menguatkuasakan kontrak membekal barangan yang terlibat dalam tuntutan guaman yang boleh dijual semula bagi mendapatkan keuntungan.
- (b) Memantapkan perjanjian di antara litigan dan yang lain yang mana litigan berhak memberi perkhidmatan untuk imbuhan tertentu.
- (c) Menentukan tambang yang ditetapkan oleh syarikat pengangkutan bagi pengangkutan penumpang.
- (d) Percubaan memungut semula jumlah yang boleh dikenakan cukai sekiranya diterima.
- (e) Tuntutan ganti rugi bagi barangan perdagangan yang hilang semasa dalam perjalanan.

5.8. Perbelanjaan guaman atau profesional yang dilakukan oleh pemaju atau peniaga dalam bidang harta –

- (a) Untuk memperolehi kemudahan kewangan bagi manfaat pembeli rumah.
- (b) Untuk penilaian tanah.
- (c) Bayaran guaman untuk pindah milik hak milik tanah, subbahagi tanah dan tukar kegunaan tanah.
- (d) Bayaran mengukur.

5.9. Perbelanjaan guaman lain

- (a) Membaharui pajakan dan lesen.
- (b) Tuntutan ganti rugi barangan perdagangan yang rosak, cacat atau hilang semasa dalam perjalanan.
- (c) Bayaran guaman dan fi agensi yang dilakukan berkaitan dengan perjanjian penggajian dan juga berhubung dengan penyediaan kontrak perdagangan atau perjanjian.

5.10. Perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai

Layanan Cukai mulai Tahun Taksiran 2020

Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [P.U.(A)162/2020] telah membenarkan suatu potongan bagi perbelanjaan berikut:

- (a) yuran kesetiausahaan yang dikenakan berkenaan dengan perkhidmatan kesetiausahaan yang diberikan oleh seorang setiausaha syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] untuk mematuhi kehendak statutori di bawah Akta itu; dan
- (b) yuran pemfailan cukai yang dikenakan oleh–
 - (i) seseorang ejen cukai berkenaan dengan penyediaan dan pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan yang ditetapkan bagi maksud seksyen 77, 77A, 77B, 83 dan 86 ACP atau penyediaan dan pengemukaan Borang Anggaran Cukai yang Kena Dibayar dan bayaran ansuran yang ditetapkan bagi maksud seksyen 107C ACP;

- (ii) seseorang yang memberikan perkhidmatan berkenaan dengan penyediaan dan pengemukaan Penyata Cukai Jualan bagi maksud seksyen 26 Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806];
- (iii) seseorang yang memberikan perkhidmatan berkenaan dengan penyediaan dan pengemukaan Penyata Cukai Perkhidmatan bagi maksud seksyen 26 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807];
- (iv) seseorang yang memberikan perkhidmatan berkenaan dengan penyediaan dan pengemukaan Penyata Levi Pelepasan bagi maksud seksyen 19 Akta Levi Pelepasan 2019 [Akta 813];
- (v) seseorang yang memberikan perkhidmatan berkenaan dengan penyediaan dan pengemukaan Penyata Cukai Pelancongan bagi maksud seksyen 19 Akta Cukai Pelancongan 2017 [Akta 791].

Perbelanjaan ini hendaklah '**dilakukan**' dan '**dibayar**' oleh orang itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran sebelum potongan bagi perbelanjaan ini dibenarkan di bawah *P.U.(A)162/2020* dan jumlah amaun potongan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada amaun maksimum lima belas ribu ringgit untuk suatu tahun taksiran.

Contoh 3

Syarikat Mutiara Tours and Travel Sdn. Bhd. sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan pelancongan di Shah Alam dan menutup akaunnya pada setiap 31 Disember. Syarikat telah menerima invois atas perkhidmatan kesetiausahaan yang diberikan oleh setiausaha syarikat seperti berikut:

Perbelanjaan yang Dilakukan	Tarikh Invois	Tarikh Dibayar	Amaun RM
Yuran kesetiausahaan Perkhidmatan bagi tempoh 1.1.2020 – 31.12.2020	15.4.2021	5.1.2022	12,000
Yuran pemfailan cukai Pengemukaan BNCP TT2020	30.9.2021	5.3.2022	5,000
Yuran pemfailan cukai Pengemukaan CP204 TT2021	30.1.2021	-	3,000

Layanan cukai terhadap potongan ke atas perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai seperti berikut :

Perbelanjaan yang Layak Dilakukan	Tarikh Invois	Tarikh Dibayar	Syarat Potongan Cukai		Amaun RM
			Dilakukan dalam TT2020 & TT2021	Dibayar	
Yuran kesetiausahaan Perkhidmatan bagi tempoh 1.1.2020 – 31.12.2020 ¹	15.4.2021	5.1.2022	√	√	12,000
Yuran pemfailan cukai Pengemukaan BNCP TT2020 ¹	30.9.2021	5.3.2022	√	√	5,000
Yuran pemfailan cukai Pengemukaan CP204 TT2021 ²	30.1.2021	-	√	-	-
Jumlah tuntutan bagi TT2022					17,000
Jumlah potongan dibenarkan bagi TT2022 (terhad)					15,000³

Nota :

¹ Syarikat Mutiara Tours and Travel Sdn. Bhd. dibenarkan ke atas potongan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai bagi pengemukaan BNCP TT2020 kerana memenuhi syarat iaitu perbelanjaan 'dilakukan' dan 'dibayar' di bawah subkaedah 2(1) P.U.(A)162/2020.

² Perbelanjaan yuran pemfailan cukai bagi pengemukaan CP204 TT2021 tidak dibenarkan potongan kerana masih 'belum dibayar'. Perbelanjaan ini hanya boleh dibenarkan potongan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berikutnya apabila perbelanjaan tersebut dibayar.

³ Jumlah amaun potongan yang dibenarkan adalah terhad kepada RM15,000 walaupun perbelanjaan sebenar yang dilakukan adalah RM17,000. Baki berjumlah RM2,000 tidak dibenarkan di bawa ke hadapan dan hendaklah diabaikan.

Layanan Cukai mulai Tahun Taksiran 2022

Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2022, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai)(Pindaan) 2021 [P.U.(A)471/2021] pindaan kepada P.U.(A)162/2020 telah membenarkan suatu potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai dengan syarat hanya 'dilakukan' oleh orang itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran walaupun perbelanjaan tersebut 'belum dibayar'.

Contoh 4

Syarikat Pembinaan Budimas Sdn. Bhd. sebuah syarikat yang pemajuan harta di Petaling Jaya dan menutup akaunnya pada setiap 31 Disember. Syarikat menerima inois atas perkhidmatan kesetiausahaan yang diberikan oleh setiausaha syarikat bagi perkhidmatan yang diterima seperti berikut:

Perbelanjaan yang Dilakukan	Tarikh Inois	Tarikh Dibayar	Amaun (RM)
Yuran kesetiausahaan Perkhidmatan bagi tempoh 1.1.2022 – 31.12.2022	31.12.2022	5.1.2023	12,000
Yuran pemfailan cukai Pengemukaan BNCP TT2021	30.9.2022	15.12.2022	7,000
Yuran pemfailan cukai Pengemukaan CP204 TT2023	30.10.2022	-	3,000

Layanan cukai ke atas perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan perbelanjaan yuran pemfailan cukai seperti berikut :

Perbelanjaan yang Layak Dilakukan	Tarikh Invois	Tarikh Dibayar	Syarat Potongan Cukai		Amaun (RM)
			Dilakukan dalam TT2022	Dibayar	
Yuran kesetiausahaan Perkhidmatan bagi tempoh 1.1.2022 – 31.12.2022 ⁴	31.12.2022	5.1.2023	√	√	12,000
Yuran pemfailan cukai Pengemukaan BNCP TT2021 ⁴	30.9.2022	15.12.2022	√	√	7,000
Yuran pemfailan cukai Pengemukaan CP204 TT2023 ⁴	30.10.2022	-	√	-	3,000
Jumlah tuntutan bagi TT2022					22,000
Jumlah potongan dibenarkan bagi TT2022 (terhad)					15,000⁵

Nota :

⁴ Syarikat Pembinaan Budimas Sdn. Bhd. dibenarkan potongan ke atas yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai bagi pengemukaan BNCP TT2021 dan CP204 TT2023 kerana memenuhi syarat iaitu perbelanjaan 'dilakukan' melalui *P.U.(A) 471/2021* berdasarkan pindaan kepada subkaedah 2(1) *P.U.(A) 162/2020* walaupun perbelanjaan yuran pemfailan cukai bagi pengemukaan CP204 TT2023 masih 'belum dibayar'.

⁵ Jumlah amaun potongan yang dibenarkan adalah terhad kepada RM15,000 walaupun perbelanjaan sebenar yang dilakukan adalah RM22,000. Baki berjumlah RM7,000 tidak dibenarkan di bawa ke hadapan dan hendaklah diabaikan.

Contoh 5

Syarikat Pembinaan Cempaka Sdn. Bhd. (SPC) adalah syarikat induk dan mempunyai anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya, Syarikat Pembinaan Teguh Sdn. Bhd. (SPT) dan Syarikat Pembinaan Megah Sdn. Bhd. (SPM). Ketiga-tiga syarikat ini menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun.

Pada 30 November 2025, SPC menerima invois berjumlah RM15,000 atas perkhidmatan kesetiausahaan yang diberikan oleh setiausaha syarikat kepada SPC termasuk anak syarikat miliknya. Butiran perbelanjaan tersebut seperti berikut:

Butiran	Amaun RM
Syarikat Pembinaan Cempaka Sdn. Bhd.	7,000
Syarikat Pembinaan Teguh Sdn. Bhd.	4,000
Syarikat Pembinaan Megah Sdn. Bhd.	4,000
Jumlah	15,000

SPC menuntut semula perbelanjaan ini daripada anak syarikat miliknya masing-masing berjumlah RM4,000 pada 1 Disember 2025.

Layanan cukai ke atas perbelanjaan yuran kesetiausahaan adalah seperti berikut :

Ketiga-tiga syarikat dibenarkan potongan ke atas yuran kesetiausahaan bagi menentukan pendapatan larasan syarikat bagi tahun taksiran 2025 kerana telah memenuhi syarat perbelanjaan 'dilakukan'.

Butiran	Amaun RM
Syarikat Pembinaan Cempaka Sdn. Bhd.	7,000
Syarikat Pembinaan Teguh Sdn. Bhd.	4,000
Syarikat Pembinaan Megah Sdn. Bhd.	4,000
Jumlah	15,000

Perbelanjaan yang tidak layak

Perbelanjaan yang tidak layak diberi potongan bagi yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai adalah terdiri daripada perbelanjaan sampingan seperti *reimbursement/out of pocket expenses*, telefon dan faks, percetakan, perbelanjaan alat tulis, pos, perjalanan dan penginapan.

Contoh 6

Syarikat Dinamik Sdn. Bhd. (SDSB) merupakan sebuah syarikat pemastautin yang menjalankan perniagaan menyediakan perkhidmatan kejuruteraan. Pada 15 Julai 2025, SDSB menerima invoice berjumlah RM10,000 atas perkhidmatan kesetiausahaan yang diberikan oleh setiausaha syarikat termasuk perkhidmatan lain yang berkaitan. Perbelanjaan ini masih belum dibayar pada 31 Disember 2025. SDSB menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Butiran perbelanjaan seperti berikut:

Butiran	Amaun RM
Yuran kesetiausahaan	8,000
Perbelanjaan sampingan : - <i>Reimbursement / Out-of- pocket expenses</i> - Telefon dan faks - Percetakan - Alat tulis - Pos - Perjalanan dan penginapan	2,000
Jumlah	10,000

Layanan cukai ke atas perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan perbelanjaan sampingan adalah seperti berikut:

Syarikat dibenarkan potongan berjumlah RM8,000 ke atas yuran kesetiausahaan walaupun perbelanjaan ini masih 'belum dibayar' pada 31 Disember 2025, dan perbelanjaan sampingan berjumlah RM2,000 tidak dibenarkan potongan bagi menentukan pendapatan larasan syarikat bagi tahun taksiran 2025.

6. Perbelanjaan guaman dan profesional yang tidak dibenarkan

Berikut adalah contoh-contoh perbelanjaan guaman dan profesional yang tidak layak diberi potongan.

6.1. Pungutan hutang

Perbelanjaan profesional dan perbelanjaan lain yang dilakukan oleh seseorang dalam memungut hutang bukan perdagangan dan pinjaman berbentuk modal.

6.2. Pembaharuan pinjaman

- (a) Perbelanjaan guaman yang dilakukan oleh syarikat perdagangan atau komersial.
- (b) Perbelanjaan guaman bagi membaharui pajakan premis.
- (c) Kos bagi mendapat modal tambahan sama ada dengan cara pinjaman atau cara lain (ia juga terpakai bagi seorang yang menjalankan perniagaan perbankan atau pinjaman wang).

6.3. Perbelanjaan mesyuarat

Perbelanjaan mesyuarat agung tahunan kecuali perbelanjaan yang berkaitan dengan yuran kesetiausahaan.

6.4. Borang nyata pendapatan

Kos rayuan terhadap taksiran cukai pendapatan iaitu rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dan mahkamah.

6.5. Perbelanjaan guaman yang dilakukan oleh tuan tanah

Bila mana harta disewakan untuk pertama kali oleh pemilik atau pemberi pajak.

6.6. Kos pembelaan dalam kes penipuan

Kos terhadap pembelaan pendakwaan kes jenayah atau berkaitan dengan tindakan yang menyalahi undang-undang didalam operasi perniagaan.

6.7. Perbelanjaan guaman dilakukan untuk mengubah lesen kenderaan

Pengubahan lesen kenderaan daripada lori biasa kepada kenderaan artikulat.

6.8. Perbelanjaan guaman dilakukan berhubung dengan:

- (a) Penubuhan, pembaharuan, pengubahan atau pembubaran perkongsian.
- (b) Pemindahan gadai janji premis perniagaan.
- (c) Geran pajakan premis perniagaan melainkan ianya berhubung dengan membaharui pajakan.
- (d) Perolehan aset modal atau penjualan / pemindahan aset modal.

- (e) Jaminan faedah yang kekal bagi perdagangan / perniagaan.
- (f) Mendapatkan lesen perdagangan.
- (g) Menambah atau mengurangkan modal saham atau meminda Memorandum dan Tataurusan Persatuan syarikat.
- (h) Pengapungan, pendaftaran, penggulangan, atau penyelesaian syarikat.
- (i) Memperoleh pajakan baru, gadai janji, pinjaman atau kemudahan kredit.
- (j) Caj penilaian berkaitan dengan probet, pembinaan semula syarikat dan peralihan pemilikan.
- (k) Yuran guaman berkaitan dengan pendapatan yang telah diperolehi seperti rayuan terhadap cukai pendapatan.
- (l) Kos prosiding guaman yang telah dilakukan dalam meneruskan tuntutan terhadap pemecatan pekerja yang tidak mengikut perundangan atau tidak adil.

6.9. Bayaran guaman dan profesional yang dilakukan oleh pemaju harta

- (a) Bagi memperolehi overdraf bank, pinjaman bertempoh dan kewangan penyambung.
- (b) Penilaian semula tanah.

7. Kemaskini dan Pindaan

KU ini menggantikan KU No. 6/2006 bertarikh 6 Julai 2006 (Edisi Pertama)	Pindaan				
	Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemaskini seperti yang berikut:				
	<table><tr><th>Perenggan KU Edisi Kedua</th><th>Penerangan</th></tr><tr><td>1</td><td>Perenggan 1 dipinda mengikut format KU terkini</td></tr></table>	Perenggan KU Edisi Kedua	Penerangan	1	Perenggan 1 dipinda mengikut format KU terkini
Perenggan KU Edisi Kedua	Penerangan				
1	Perenggan 1 dipinda mengikut format KU terkini				

	2	Perenggan 2 dipinda mengikut format KU terkini Memasukkan perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dan dinomborkan menjadi perenggan 2.3
	3	Tafsiran "Orang" dipinda mengikut seksyen 2 ACP dan dinomborkan semula menjadi perenggan 3.1 Memasukkan tafsiran "Pendapatan kasar" dan dinomborkan menjadi perenggan 3.2 Memasukkan tafsiran "Perkongasian liabiliti terhad" dan dinomborkan menjadi perenggan 3.3 Memasukkan tafsiran "Perniagaan" dan dinomborkan menjadi perenggan 3.4 Memasukkan tafsiran "Syarikat" dan dinomborkan menjadi perenggan 3.5 Tafsiran "Tahun taksiran" dipinda mengikut seksyen 2 ACP dan dinomborkan semula menjadi perenggan 3.6 Tafsiran "Tempoh asas" dinomborkan semula menjadi perenggan 3.7
	4	Kemaskini subtopik perenggan 4
	5	Kemaskini "Contoh-Contoh" menjadi Contoh 1 dan Contoh 2 Mamasukkan perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai dan dinomborkan menjadi perenggan 5.10 Memasukkan Contoh 3, Contoh 4, Contoh 5 dan Contoh 6

	6	Memansuhkan perenggan 6.3(a) KU asal Memansuhkan perenggan 6.4(a) KU asal
	7	Perenggan 7 KU asal dimansuhkan. Subtopik Kemaskini dan pindaan dinomborkan menjadi perenggan 7
	8	Memasukkan subtopik penafian dan dinomborkan menjadi perenggan 8

8. Penafian

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

KONSULTASI AWAM